



## KENYATAAN MEDIA

**HEBAHAN SEGERA**

### **GOTONG ROYONG PERDANA SEMPENA MINGGU ORIENTASI PELATIH KOLEJ TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN (KTMP)**

**Kuala Lumpur, 8 Januari 2017:-** Program Gotong Royong Perdana sempena Minggu Orientasi Pelatih Kolej Teknologi Makmal Perubatan (KTMP) akan diadakan pada 8 Januari 2017 (Ahad) bertempat di Kolej Siswa Jaya, UTM Kuala Lumpur dan sekitar kawasan Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak.

Gotong royong ini melibatkan seramai 373 orang pelatih kanan dan baharu KTMP dan mahasiswa UTM Kuala Lumpur dengan kerjasama Parlimen Setiawangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Cawangan Setiawangsa, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Persatuan Penduduk Perumahan Awam Desa Rejang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Institut Jantung Negara (IJN).

Ahli Parlimen Setiawangsa, Yang Berhormat Dato' Ahmad Fauzi bin Hj. Zahari telah dijemput bagi merasmikan program gotong royong ini.

#### **Untuk maklumat lanjut sila hubungi:**

En. Zurik Azaham Bin Aris  
Timbalan Pendaftar  
Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni (HEMA)  
Universiti Terknologi Malaysia Kuala Lumpur  
Jalan Sultan Yahya Petra, 54100  
Kuala Lumpur  
Hp: 013-3285670  
Email: zurik@utm.my